

# Wacana Fiqh Muamalat Labuan tampil tiga pembentangan

UB 26.9.2019 3

Oleh Henry Bating



**LABUAN:** Wacana Fiqh Muamalat Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabanga Labuan (UMSKAL) di sini semalam menampilkan tiga kertas pembentangan.

Sumber urus setia pengangur memberitahu program wacana ilmu itu dianjurkan bersama UMSKAL dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Labuan.

“Wacana ilmu ini bertujuan menyerlahkan keunggulan sistem kewangan Islam,” kata sumber itu semalam.

Kertas kerja pertama bertajuk ‘Matlamat dan Prinsip Utama Muamalat Islam’ dibentangkan oleh Dr Ah-

mad Sufyan Che Abdullah, pensyarah kanan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM).

Kertas kerja kedua bertajuk ‘Fatwa-fatwa Muamalat di Wilayah Persekutuan’ disampaikan oleh Dr Nik Rahim Abdul Ghani, ahli jawatankuasa perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan.

Sementara kertas kerja ketiga bertajuk ‘Ancaman dan Penipuan Dalam Pelaburan’ disampaikan oleh Wan Rumaizi Wan Hussin, penasihat syariah Bank Rakyat.

Majlis penutupan dijadual disempurnakan Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan Hashim Salleh yang turut dihadiri Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Halik.